



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN KRISMAS 2024

Menjelang sambutan perayaan Krismas 2024 pada 25 Disember 2024, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2024 berkuatkuasa dari 23 Disember hingga 27 Disember 2024.

Tempoh pelaksanaan adalah selama 5 hari iaitu 2 hari sebelum perayaan, 1 hari semasa perayaan dan 2 hari selepas perayaan. Kementerian telah mengenal pasti sebanyak 14 jenis barang yang akan dikawal bagi perayaan Krismas pada tahun ini. Barang yang terlibat adalah seperti berikut:

- (1) Daging Kambing Biri-Biri Bertulang Import;
  - (2) Ayam Tua Hidup (Sarawak sahaja);
  - (3) Kubis Bulat Import (Indonesia dan China tidak termasuk Kubis Beijing);
  - (4) Lobak Merah;
  - (5) Tomato;
  - (6) Cili Merah;
  - (7) Lada Benggala Hijau;
  - (8) Bawang Merah Besar Import;
  - (9) Bawang Kuning Besar;
  - (10) Ubi Kentang Import (China);
  - (11) Babi Hidup (Peringkat Ladang sahaja);
  - (12) Kepak Ayam;
  - (13) Daging Babi (Perut); dan
  - (14) Daging Babi (Daging dan Lemak).
- } *(Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan Sahaja)*

Tempoh pelaksanaan SHMMP Krismas 2024 kali ini adalah bersesuaian mengikut keadaan semasa, iaitu mewujudkan suasana menang-menang kepada pengguna dan peniaga. Pengguna dapat menikmati harga yang berpatutan dan peniaga pula tidak tertekan dengan tempoh masa pelaksanaan yang terlalu lama.

Senarai barang, paras harga maksimum dan tempoh pelaksanaan ditentukan berdasarkan beberapa faktor seperti ketersediaan penawaran, kos semasa, cuaca, kadar upah dan faktor-faktor lain-lain.

Selain itu, penentuan harga ini dibuat dengan mengambil kira pandangan daripada rakan strategik Kementerian iaitu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), agensi-agensi Kerajaan dan pemain-pemain industri.

SHMMP Krismas 2024 akan dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan membolehkan penentuan harga dibuat. Harga maksimum yang telah ditetapkan untuk SHMMP Krismas 2024 di peringkat pemborong dan peruncit boleh disemak melalui laman web KPDN di [www.kpdn.gov.my](http://www.kpdn.gov.my).

Pegawai-Pegawai Penguat Kuasa KPDN di seluruh negara akan ditugaskan di lokasi-lokasi strategik seperti di pasar awam, pasar tani dan pusat membeli-belah barang keperluan perayaan bagi menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan untuk melindungi pengguna daripada peniaga-peniaga yang tidak beretika.

Kementerian akan terus menjalankan kerjasama dengan KPBM bagi memastikan bekalan barang yang dikawal adalah mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan Skim. Kerajaan berharap semua pihak dapat mematuhi harga-harga yang telah ditetapkan ini dan menggunakan label merah jambu bagi barang yang dikawal harganya. Adalah diingatkan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini.

Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

- (i) Kesalahan menjual barang harga terkawal melebihi harga maksimum:
  - (a) Individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000; dan

- (b) Syarikat; boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000;
- (ii) kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barang harga terkawal:
  - (a) individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000; dan
  - (b) syarikat; boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

Sehubungan itu, KPDN meminta kerjasama orang ramai untuk memaklumkan sebarang aduan melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-848 8000;
- ii. Call Centre 1-800-886-800;
- iii. E-mel e-aduan@kpdn.gov.my; dan
- iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN

Pada masa yang sama, bersempena dengan pengumuman SHMMP Krismas 2024 pada hari ini, saya turut melancarkan pelaksanaan Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) Krismas 2024. Ini merupakan inisiatif baharu yang dilaksanakan oleh KPDN bermula tahun ini untuk menganjurkan PJRM bagi setiap sambutan perayaan. Bagi PJRM Krismas tahun ini, sebanyak 670 PJRM dilaksanakan di seluruh negara.

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup

Kuala Lumpur,  
20 Disember 2024